

Dr. Mahathir kupas isu panas

MUKADIMAH

SIDANG AKHBAR Tun Dr. Mahathir Mohamad di bangunan Perdana Putra, Putrajaya semalam bersempena genap setahun pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan (PH) telah mengupas pelbagai isu melibatkan pentadbiran kerajaan, hal ehwal politik dan masa depan negara.

Dalam sidang akhbar hampir sejam itu, Perdana Menteri telah menjawab soalan-soalan daripada kira-kira 50 wartawan

yang hadir antaranya mengenai rombakan Kabinet, misi pemburuan ahli perniagaan Jho Low, nasib Malaysia Airlines Bhd. (MAS) dan isu Statut Rom.

Pemimpin berusia 94 tahun itu turut mengupas 'isu panas' membabitkan hubungan pentadbiran kerajaan dengan Istana Johor yang ketika ini dilihat agak tegang berikutan tindakan saling berbalas kenyataan antara satu sama lain.

Oleh **SOFIAN BAHAROM**
dan **HAKIMI ISMAIL**

pengarang@utusan.com.my

BERIKUT adalah sorotan daripada sidang akhbar Perdana Menteri:

KABINET

Dr. Mahathir mengesahkan bahawa tidak akan berlaku sebarang rombakan Kabinet buat masa ini kerana prestasi barisan Kabinet sedia ada berada dalam keadaan baik dan menggembirakannya.

Beliau juga tidak nampak sebarang sebab bagi penstrukturan Kabinet berkenaan dan jika diberikan nilai pencapaian diberikan ianya lima daripada 10 atau pada kadar 50 peratus

"Tidak akan berlaku rombakan Kabinet. Adakah ini jelas?" katanya.

Dr. Mahathir seterusnya menzahirkan keyakinan terhadap barisan Kabinet yang dilihat beliau akan kelak menjadi sebegus anggota-anggota berpengalaman yang lain.

Jelasnya, beliau merupakan se-

Tak ada (masalah)...
bila saya jumpa
(Sultan Johor), ba-
ginda pandu kereta
dan hantar saya ke
lapangan terbang,

orang yang sangat konservatif dan pernah berada dalam kerajaan selama kira-kira 20 tahun sekali gus mengetahui bagaimana kerajaan berfungsi.

Namun begitu, katanya, barisan Kabinet ketika ini masih baharu dan mereka juga dilihat khuatir dituduh melakukan penyalahgunaan menyebabkan mereka sukar membuat keputusan.

"Kadang kala mereka datang ke saya sebab saya ada pengalaman, saya cuba ajar serta memberi tunjuk ajar agar mereka boleh berprestasi baik. Namun begitu mereka pantas belajar," katanya.

HUBUNGAN DENGAN ISTANA

Dr. Mahathir hari ini menyifatkan Tunku Mahkota Johor (TMJ), Tunku Ismail Sultan Ibrahim sebagai 'seorang budak kecil bodoh' dan tidak tahu apa yang berlaku.

Kenyataan yang dilihat kasar itu dibuat Perdana Menteri sebagai menjawab kenyataan terbaharu Tunku Ismail berhubung perkara baik dilakukan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang tidak dihebohkan khususnya jumlah tanah Sultan Johor yang dikurniakan untuk rakyat dan kebaikan lain.

"*TMJ is a little boy* (budak kecil),.. dia bodoh kerana tidak tahu apa yang berlaku. Jadi jangan cakaplah apabila anda tidak tahu apa yang sedang berlaku," katanya.

Dr. Mahathir diminta mengulas kenyataan Tunku Ismail di laman Twitter bahawa perbuatan baik ayahandanya, Sultan Ibrahim yang mengurniakan tanah kepada rakyat dan kerajaan tidak ditonjolkan atau dihebahkan.